

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 5)

Azizi Hj Yahaya

Sambungan..

Namun, pada masa kini melepak bukan sahaja dimaksudkan dengan anak-anak muda berpelesenan dan berbual-bual kosong di pasar raya atau kaki-kaki lima malahan dengan meningkatnya taraf sosioekonomi, remaja lebih gemar menghabiskan masa di kelab-kelab eksklusif atau pusat komputer dengan aktiviti yang tidak berfaedah maka dalam konteks ini mereka juga digolongkan dalam kelompok remaja bermasalah yang gemar melepak.

Faktor ketiga yang akan dikupas dan dibincangkan adalah tiadanya keprihatinan dalam masyarakat. Dalam arus kemodenan pada masa kini, masyarakat biasanya bersikap individualistik dan hanya mementingkan diri masing-masing. Sikap bekerjasama dan saling ingat-mengingati seakan-akan hampir pupus di kalangan ahli masyarakat. Mengulas petikan akhbar bertarikh 3 Februari 2009, sekumpulan remaja melepak dan meminum arak di salah sebuah kawasan di Mersing. Tindakan sekumpulan remaja ini meminum arak di kawasan yang terbuka jelas menunjukkan mereka begitu berani dan tegar meskipun mereka beragama Islam dan masih di bawah umur. Sikap berani timbul kerana mereka menyedari bahawa tiada siapa pun ahli masyarakat yang kisah dengan perlakuan mereka tersebut. Menurut Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Mersing, Muhammed Nadzri Murashid yang bertanggungjawab terhadap kes tersebut menyatakan bahawa tindakan tidak bermoral remaja tersebut sudah lama berlarutan sehinggalah salah seorang penduduk di kawasan berkenaan membuat laporan untuk tindakan pihak yang bertanggungjawab. Melalui kes ini kita dapat melihat bahawa sikap ahli masyarakat yang tidak ambil peduli menyebabkan hal yang sepatutnya boleh dicegah dan dibanteras dari peringkat awal sebelum berlarutan tidak dapat dilaksanakan. Sekumpulan remaja tersebut dibiarkan terus hanyut sehinggalah salah seorang ahli masyarakat akhirnya tampil untuk membuat laporan. Ini hanyalah salah satu dari ratusan contoh salah laku yang berlaku di kalangan golongan remaja khususnya di kalangan masyarakat dan salah satu daripadanya merupakan gejala melepak di kalangan remaja.

CONTINUE...